

# PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM DARI SUDUT PERUNDANGAN

Ahmad Khairul Ridhwan bin Mohamed Hanif

Penyelidik Kluster Undang-Undang



## Pengurusan Sisa Pepejal dari Sudut Perundangan

Kertas **PERSPEKTIF** adalah satu siri penulisan oleh pengarang bagi mengemukakan pelbagai maklumat dan pandangan kepada pembaca mengenai sesuatu tajuk.

Semua fakta dan perspektif yang dinyatakan adalah di bawah tanggungjawab pengarang.

Sehubungan dengan itu, pengarang amat berbesar hati sekiranya para pembaca juga dapat berkongsi maklum balas mengenainya.

**Emel Pengarang** : [ahmadkhairul@tsis.my](mailto:ahmadkhairul@tsis.my)

# **PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM DARI SUDUT PERUNDANGAN**

## **PENULIS**

AHMAD KHAIRUL RIDHWAN BIN MOHAMED HANIF

Kluster Undang-Undang

Jabatan Hal Ehwal Parlimen Dan Global

Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)


## PENGENALAN

Pada waktu ini, negara kita mengalami masalah pembuangan sisa pepejal yang serius. Pembuangan sisa pepejal ini wujud seiring dengan penambahan bilangan tapak pelupusan sisa yang wujud di seluruh negara. Masalah ini sejak sekian lama telah menyebabkan wujudnya kesan negatif di alam sekitar dari sudut pencemaran alam dan bau dan seterusnya mendatangkan masalah kesihatan kepada penduduk di kawasan kediaman sekeliling.

Mengikut definisi seperti yang tertera oleh Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, sisa pepejal adalah apa-apa bahan sekerap atau benda lebihan lain yang tidak dikehendaki atau keluaran yang ditolak yang timbul daripada penggunaan apa-apa proses atau apa-apa benda yang dikehendaki dilupuskan kerana sudah pecah, lusuh, tercemar atau selainnya rosak.

Dianggarkan kuantiti penjanaaan sisa pepejal di negara ini pada tahun 2021 adalah 38,081 tan sehari dan angka itu dijangka terus meningkat pada tahun 2022 ini iaitu kutipan 38,699 tan sehari. Manakala, statistik yang lain menyatakan dianggarkan 14 juta tan sampah setahun akan dikutip menjelang 2022. Itu anggaran yang boleh dibuat berdasarkan kepada corak pungutan sampah setiap hari di seluruh negara yang merekodkan peningkatan sejak sepuluh tahun lepas.

Pada waktu ini, isu yang paling mendesak dalam konteks ini adalah jumlah tapak



pelupusan sanitari dengan fasiliti kawalan pencemaran adalah jauh lebih kecil daripada jumlah tapak pelupusan bukan sanitari. Akibatnya, tapak pelupusan sanitari baru kesemuanya terpaksa dibina di kawasan luar bandar.

Maka kos penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan bandar akan meningkat, begitu juga dengan pelepasan gas rumah hijau serta penggunaan tenaga yang banyak untuk penghantaran sisa pepejal dari kawasan bandar ke tapak pelupusan.

Melihat betapa pentingnya isu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam ini kepada ekosistem kehidupan rakyat Malaysia, maka kerangka perundangan yang mapan dan berkesan amatlah diperlukan bagi menyelaras, mengawalselia dan memantau segala aktiviti dalam sektor ini.

**Rajah 1:** Data Penjanaaan Kutipan Sampah dan Pelupusan Sampah (Sumber: Harian Metro, 2022)

## **Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)**

Sebelum ini, urusan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah terletak di bawah pengurusan pihak berkuasa tempatan di setiap negeri. Namun, pada waktu ini, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) telah diamanahkan oleh Kerajaan bagi menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam di negara kita selaras dengan wujudnya Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Fungsi bagi dua entiti kerajaan ini adalah:-

### (a) Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

Jabatan ini bertanggungjawab dalam mencadangkan dasar-dasar, rancangan dan strategi berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Selain itu, jabatan ini terlibat dalam merangka rancangan bagi pengurusan sisa pepejal termasuk lokasi, jenis dan saiz kemudahan pengolahan baru, kawasan lingkungan kemudahan pengurusan sisa pepejal, skim pengurusan sisa pepejal untuk membekalkan sisa pepejal terkawal kepada kemudahan pengurusan sisa pepejal dan jangka masa bagi pelaksanaan rancangan itu.

Bahkan, jabatan ini melaksanakan pengawalseliaan yang dinyatakan dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta tersebut. Segala urusan lesen dan kelulusan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 juga tertakluk di bawah Jabatan ini.

### (b) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) atau SWCorp

Perbadanan PPSPPA pula adalah badan berkanun yang ditubuhkan melalui Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673) yang berfungsi dalam mentadbir dan menguatkuasa Akta 672. Perbadanan ini bertanggungjawab dalam mengesyorkan dan melaksanakan dasar, perancangan dan strategi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (PSPA).

Bagi melibatkan penglibatan orang awam, Perbadanan ini juga melaksana, menggalakkan penyertaan dan mempertingkatkan kesedaran orang awam mengenai program kesedaran dan perkhidmatan PSPA. Pada masa yang sama, urusan melaksana dan menguatkuasakan undang-undang PSPA tertakluk di bawah Perbadanan ini.

JPSPN	SWCorp
Seksyen 6 (1), Akta 672	Seksyen 17 (1), Akta 673
Mewujudkan dasar, rancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam	Mengesyorkan dan melaksanakan dasar, rancangan dan strategi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
Merumus rancangan bagi pengurusan sisa pepejal seperti lokasi, saiz kemudahan, skim PSP dan jangka masa perancangan	Mengesyorkan rancangan bagi pengurusan sisa pepejal seperti lokasi, saiz kemudahan, skim PSP dan jangka masa perancangan
Menetapkan standard, spesifikasi dan tata amalan	Mengawasi pematuan standard, spesifikasi dan tata amalan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
Melaksanakan fungsi pengawalseliaan	Melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan juga mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang
Memberikan lesen dan juga kelulusan	

**Rajah 2:** Perbezaan antara Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) atau SWCorp (Sumber: Portal JPSPN)

Selain itu, ada beberapa aspek yang ditekankan dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu:-

### 1. Pelesenan

Bagi pihak yang berminat untuk menjadi pemegang lesen bagi urusan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, pihak berkenaan hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam Seksyen 16 ini iaitu :-

*Permohonan untuk lesen*

16. (1) *Mana-mana orang boleh memohon kepada Ketua Pengarah supaya suatu lesen diberikan kepadanya di bawah Akta ini dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Perbadanan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan.*

(2) *Setiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan.*

(3) *Suatu permohonan di bawah seksyen ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa sebelum permohonan itu dibenarkan atau ditolak.*

Namun, jenis lesen yang dimaksudkan di sini telah diperincikan dalam Seksyen 14 iaitu:

14. (1) *Tertakluk kepada seksyen 16, tiada seorang pun boleh—*

(a) *mengusahakan atau menyediakan apa-apa perkhidmatan pengurusan sisa pepejal;*

(b) *menguruskan atau mengendalikan apa-apa kemudahan pengurusan sisa pepejal; atau*

(c) *mengusahakan atau menyediakan apa-apa perkhidmatan pengurusan pembersihan awam,*

*melainkan jika dia memegang suatu lesen yang diberikan di bawah Akta ini.*

Pada waktu ini, portal Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah menyenaraikan seramai 61 pemegang lesen atau kontraktor yang berdaftar. Tindakan JPSPN yang menyiarkan nama kontraktor ini adalah salah satu inisiatif yang perlu diteruskan bagi memastikan ketelusan dalam memilih kontraktor ini terjamin dan membuka ruang kepada semak dan seimbang oleh rakyat.

Pada masa yang sama, selaras dengan usaha kerajaan untuk memudahkan sistem penyampaian maklumat, kewujudan garis panduan dalam portal memudahkan prosedur permohonan bagi kontraktor yang berminat terlibat dalam pengurusan sisa pepejal ini.

## 2. Penguatkuasaan

Bagi menjalankan penguatkuasaan Akta ini secara berkesan, Ketua Pengarah (KP) hendaklah melantik pegawai dari JPSPN, pegawai PBT atau pegawai PPSPPA sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah untuk menjalankan tindakan-tindakan berikut (seksyen 78):

- (1) penguatkuasaan (seksyen 79);
- (2) penyiasatan (seksyen 81);
- (3) penggeledahan dan penyitaan dengan waran (seksyen 81) dan tanpa waran (seksyen 82);
- (4) Capaian kepada data komputer (seksyen 83);
- (5) Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita kenderaan (seksyen 84);
- (6) Kuasa untuk menghendaki kehadiran (seksyen 87) dan pemeriksaan (seksyen 88) ke atas orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes.

KP atau PPSPPA juga berhak menentukan jenis kesalahan yang boleh dikompaunkan. Pendakwaan bagi kesalahan boleh dimulakan (seksyen 94) jika sekiranya tawaran dalam kompaun tersebut tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan.

Manakala, Seksyen 108 Akta 672 juga mewujudkan Peraturan-peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pengkompunan Kesalahan) 2011 bagi menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaun dan tatacara mengkompaun kesalahan tersebut.



Sehingga kini, didapati kes-kes pembuangan sisa pepejal yang disiasat adalah merangkumi kes pembuangan di tapak haram sehinggalah kepada penghantaran sisa pepejal dari luar negara melalui kontena.

Rajah 3: Penguatkuasaan terhadap kontena di Pelabuhan (Sumber: Astro Awani, 2021)

Sebagai contohnya, kerajaan telah mengambil langkah tegas dengan menghantar pulang 150 kontena sisa pepejal plastik dianggarkan 3,737 tan metrik, ke negara asal pengeksport pada tahun 2020. Kerajaan bertindak sedemikian bagi memastikan Malaysia tidak menjadi tong sampah dunia

Bagi tindakan terhadap kewujudan tapak sisa pepejal yang tidak berdaftar, usaha yang tegas perlu dipertingkatkan lagi kerana pada waktu ini jumlahnya masih banyak dan dikhuatiri memberi kesan buruk kepada kesihatan rakyat. Agensi Angkasa Negara, sebagai contohnya telah mengesan lebih 4,000 tapak pelupusan haram di seluruh negara dan sebanyak 1,298 dikesan di Selangor termasuk sisa toksid melalui cerapan imej satelit.

Pindaan terhadap penalti dan hukuman yang lebih tegas dalam Akta ini merupakan satu pilihan terbaik dalam mengekang masalah yang sentiasa berakar umbi ini. Pada waktu ini, seksyen 75 (8) dalam akta ini menetapkan bahawa individu atau pihak yang membuang sisa pepejal tanpa kebenaran oleh pihak berkuasa boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Denda tidak melebihi RM100,000 dan hukuman penjara tidak melebihi lima tahun ini masih dikira ringan berikutan masih ramai pihak yang melakukan jenayah ini tidak mempunyai ketakutan terhadap kewujudan seksyen 75 (8) ini.

### **3. Kitar Semula**

Dalam memastikan program kitar semula masih relevan dan memberi impak positif kepada masyarakat sekeliling, di bawah Seksyen 101, Menteri boleh bertindak melalui peruntukan di dalam Akta ini dengan mengeluarkan perintah yang menghendaki:

- (1) penghasil sisa pepejal untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal terkawal;
- (2) mana-mana orang untuk menggunakan bahan yang mesra alam;
- (3) mana-mana orang menggunakan bahan kitar semula bagi keluaran tertentu;
- (4) mana-mana orang menghadkan penghasilan, pengimportan, kegunaan, pengeluaran atau pelupusan keluaran/bahan tertentu;
- (5) pelaksanaan kod dan pelabelan bagi keluaran/bahan untuk menggalakkan pengitaran semula;
- (6) penggunaan apa-apa kaedah untuk mengurangkan kesan buruk sisa pepejal terkawal pada alam sekitar; dan
- (7) penggunaan apa-apa kaedah untuk mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula sisa pepejal terkawal.

Walaupun tarikh 11 November pada setiap tahun telah ditetapkan sebagai Hari Kitar Semula Kebangsaan, namun tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap kitar semula masih lagi rendah. Majoriti daripada rakyat beranggapan bahawa usaha tersebut adalah tanggungjawab kerajaan dan pekerja pembersihan semata-mata, sedangkan setiap individu boleh memainkan peranan dalam aspek kitar semula. Biarpun fasiliti dan kemudahan kitar semula telah diletakkan di setiap bandar dan daerah, semangat

jitu di kalangan rakyat tidak menonjol memandangkan mereka tidak didedahkan secara komprehensif tentang faedah kitar semula kepada manusia.

Dalam memastikan usaha kitar semula ini membuahkan hasil, Kerajaan perlu mempertimbangkan bagi mendidik dan mewajibkan setiap isi rumah dan industri terlibat dalam inisiatif mereka sendiri untuk mengitar semula bahan buangan mengikut jenis bagi memastikan beban dalam memikul tanggungjawab ini tidak terletak kepada Kerajaan semata-mata.

## Kesimpulan

Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa mereka dalam usaha merangka perancangan jangka masa panjang bagi melaksanakan transformasi dan mempercepat peralihan dari ekonomi linear ke ekonomi kitaran dalam pengurusan sisa pepejal.

Ia selaras dengan memudahcara dan menyokong Agenda Ekonomi Kitaran yang dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) di bawah Bab 8 iaitu Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan. Bahkan ia sangat penting dalam mengurangkan impak kepada alam sekitar bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Namun, segala perancangan dan usaha yang dirancang oleh Kementerian mestilah diselaraskan dengan kerangka perundangan yang berjaya menarik minat oleh semua pihak terutamanya rakyat untuk terlibat dalam setiap langkah. Undang-undang yang digubal bukanlah semata-mata bagi memberi hukuman mahupun penalti kepada rakyat, namun ia mestilah dilihat mesra kepada rakyat supaya ia difahami, dihayati seterusnya dijunjung dengan pematuhan dan usaha oleh rakyat sendiri.

## **SENARAI RUJUKAN**

- BERNAMA. (2020). *Tahap kesedaran urus sampah dengan baik masih kurang memuaskan*. Astro Awani.
- Haslinda Mohd Anuar, H. A. (2015). Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Pengurusan dan Perundangan. *Solid Waste Solution Journal; Vol. 1 2015*, 9-20.
- Muhammad Saufi Hassan, N. A. (2022). *14 juta tan sampah pada 2022*. Harian Metro. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/07/732770/14-juta-tan-sampah-pada-2022>
- Nasir, S. S. (2020). *Malaysia hantar pulang 150 kontena sisa pepejal plastik ke negara asal*. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/648291/malaysia-hantar-pulang-150-kontena-sisa-pepejal-plastik-ke-negara>
- Jabatan Peguam Negara (2007). *AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM*.



Sila petik karya ini seperti berikut :

Ahmad Khairul Ridhwan Mohamed Hanif, (2022, April 18). Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia dari Sudut Perundangan Perspektif, 5/2022.

Maklumat mengenai penerbitan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) boleh didapati di :

[www.tsis.my](http://www.tsis.my)



© Hak Cipta Terpelihara